

Periksa sistem penggera di semua perumahan awam

Kuala Lumpur: Jabatan Wilayah Persekutuan akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi memeriksa sistem penggera kebakaran di semua perumahan awam di Wilayah Persekutuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata, kerjasama terbabit bagi memastikan sistem berkenaan sentiasa diselenggara dan berfungsi dalam keadaan baik.

“Saya rasa itu (periksa keadaan sistem) memang sepatutnya kita lakukan.

“Ada juga kita dengar semalam (kelmarin) masalah paip bomba, jadi kita akan bekerjasama dengan JBPM (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia) dan KPKT,” katanya.

Beliau mengulas sama ada kementeriannya akan bekerjasama dengan KPKT bagi memeriksa tahap kesediaan sistem penggera kebakaran di se-

mua perumahan awam di Wilayah Persekutuan.

Dr Zaliha juga mengingatkan orang ramai terutama penduduk menjaga harta benda awam bagi mengelak kejadian tidak ingini ketika kecemasan.

“Kadangkala kita bimbang dalam keadaan kecemasan, contohnya pili bomba itu tidak boleh digunakan sebab rosak akibat vandalisme dan sebagainya,” katanya.

Sementara itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan menubuhkan pasukan petugas khas bagi pemeriksaan menyeluruh di flat kelolaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pengarah JBPM Kuala Lumpur, Muhammad Salleh Abdul berkata, ia sebagai tindakan segera bagi mengelakkan isu berkenaan berulang.

“Kita akan buat segera. Kita akan buat siasatan dan cadangan yang perlu untuk pertingkat dan baiki sistem-sistem yang ada di bangunan (flat awam) seperti ini,” katanya.